

Cabutan

Tuan Syed Nasir seorang pegawai kerajaan keterangan-keterangannya yang samar-samar mengenai perdirianya di atas undang-undang bahasa terserahlah kepada Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam untuk mengambil tindakan yang wajar ke atasnya – Tengku Abdul Rahman.

*

Sesuatu perkara atas seseorang pegawai tidak akan dapat diambil langkah melainkan ada pengaduan-pengaduan yang disampaikan mengenainya kepada Pesuruhjaya Awam. – Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

*

Belum dapat ditentukan adakah laporan-laporan atau pengaduan-pengaduan akan dibuat terhadap Syed Nasir. – Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran Malaysia.

*

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan menerima satu pengaduan tentang Tuan Syed Nasir Bin Ismail mengenai sikapnya terhadap Rang Undang-undang Bahasa.

“Kalau tidak ketua jabatannya akan diminta menjelaskan mengapa tidak ada laporan dibuat terhadap Syed Nasir.” – Tengku Abdul Rahman.

*

Dewan Bahasa dan Pustaka mungkin akan diambil alih dijadikan cabang atau sayap dari Kementerian Pelajaran. – Khir Johari, Menteri Pelajaran.

Dewan Bahasa dan Pustaka adalah terletak di bawah pertadbiran satu “Board” semenjak tahun 1959 dan pengarahnya, naibnya, dan setiausahanya adalah dilantik oleh Kementerian Pelajaran. – Berita.

*

Dewan Bahasa ditubuhkan dahulunya dengan maksud mengembangkan bahasa kebangsaan tetapi Dewan itu sekarang untuk kegiatan-kegiatan politik. – Tengku.

*

Di dalam perayaan tiap-tiap tahun Minggu atau Bulan Bahasa, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pelajaran dan Menteri Penerangan adalah sentiasa memuji kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh Dewan Bahasa dan mengetahui bahawa masalah bahasa ialah masalah politik. Apakah sekarang baharu disedari masalah bahasa jadi masalah politik? – Orang luar bertanya.

*

Keamanan dan keharmonian antara kaum di Malaysia untuk meneruskan rancangan-rancangan pembangunannya adalah sangat penting. Kalau tidak ada keamanan dan keharmonian maka projek-projek pembangunan luar bandar tidak akan dapat diteruskan. – Tengku.

*

Setakat ini hanya 20 peratus sahaja rancangan pembangunan luar bandar dijalankan. Ada 80 peratus lagi yang hendak dijalankan. Kalau berlaku huruhara bagaimana kita mencari modal untuk rancangan itu? – Tengku Abdul Rahman.

*

Orang yang merosakkan keamanan dan keharmonian antara kaum menjadi pengkhianat. – Tengku.-

*

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memutuskan untuk memberi taraf yang sama kepada pelajar yang mempunyai Sijil L.C.E. dan Diploma Pelajaran Kolej Islam dengan pelajaran-pelajaran yang lulus di Maktab Perguruan Persekutuan dengan mendapat gaji - pokok \$310.00 sebulan – Muhammad Khir Johari.

*

Memandang kepada perbuatan kerajaan PAS sekarang (membantah undang-undang bahasa – Fa.) kerajaan pusat tidak akan memberikan bantuan wang walaupun ia menghadapi kesulitan kewangan untuk membayar gaji kakitangan kerajaannya. – Tengku Abdul Rahman.

*

Demokrasi memberi kebebasan penuh kepada setiap rakyat membincangkan Rang Undang-undang yang menyentuh hak mereka - Muhammad Asri di dalam membahas Rang Undang-undang bahasa kebangsaan.

*

Bolehlah disifatkan Rang Undang-undang bahasa kebangsaan sebagai “mencabul fasal 152 dalam perlembagaan” dan merupakan suatu “penyelewengan” dalam mendaulatkan bahasa kebangsaan. – Asri.

*

Segala alat-alat penerangan “ditutup mulut” dari melahirkan suara-suara bantahan terhadap Rang Undang-undang itu. Bantahan-bantahan dari puak pembangkang (dan lain-lainnya – P.) khasnya dari pihak kami telah tidak sepeleah pun disiarkan dalam televisyen. – Abdul Samad Gul.